

BAB 5

PERMASALAHAN SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL DI SELANGOR

Pendidikan Tamil telah dimulakan oleh pihak British dengan tujuan mengekalkan komuniti imigren India untuk bekerja di Tanah Melayu dan bukannya sebagai tanggungjawab sosial bagi perkembangan minda serta pencapaian mobiliti sosial dan ekonomi di kalangan kaum imigren tersebut. Majikan mendirikan sekolah-sekolah Tamil semata-mata untuk mempastikan anak-anak buruh ladang akan terus kekal sebagai buruh dengan mengikuti jejak langkah ibu bapa mereka. Pendidikan Tamil hanya berbentuk *cul-de-sac* yang membawa pelajar tidak ke mana-mana kecuali tinggal di estet-estet sebagai tenaga buruh murah.

Oleh kerana tidak mendapat perhatian sewajarnya dari pihak British sejak awal lagi, maka sekolah-sekolah ini dalam arus perkembangannya telah menghadapi banyak masalah dan rintangan untuk meneruskan kewujudannya. Bab ini akan mengkaji permasalahan tersebut dalam konteks sekolah-sekolah ladang di Selangor sebahagian besarnya kerana kebanyakan sekolah-sekolah Tamil terdapat di ladang-ladang.

Masalah Bangunan sekolah

Sesuatu institusi pendidikan memerlukan satu tempat yang sesuai untuk mempastikan objektif institusi itu tercapai. Namun perjalanan sekolah-sekolah Tamil sebelum merdeka tidak mempunyai bangunan yang khas. Sekolah beroperasi di mana-mana sahaja bangunan yang dianggap boleh mengumpulkan para pelajar. Biasanya sekolah berfungsi di kuil, (Sekolah Tamil Ladang Bukit Panjong pada tahun 1946) di bangsal membaiki kereta,¹ di *drama shed* iaitu tempat pementasan drama yang

merupakan satu-satunya pusat hiburan pada masa dahulu, rumah kuli, di mana pada tahun 1921 terdapat empat buah sekolah Tamil yang beroperasi di verandah rumah kuli dan di kuarters ‘conductors’.² Ada juga sekolah yang beroperasi di rumah pengurus ladang, sebahagian daripada pejabat pengurusan ladang, dan di tempat mengasuh kanak-kanak (creche) di mana Sekolah Tamil Ampar Tenang telah beroperasi di pusat penjagaan kanak-kanak pada tahun 1946.³

Ada juga sekolah yang telah beroperasi di tempat pembungkusan getah umpamanya Sekolah Tamil Utan Simpan telah beroperasi di bangunan pembungkusan getah pada tahun 1947 akibat bangunan asal telah musnah semasa pendudukan Jepun. Kita dapat bayangkan betapa terseksanya kanak-kanak belajar dalam keadaan bau getah yang busuk dan keadaan kebisingan akibat orang dewasa sedang membuat kerja. Pada tahun 1947, Sekolah Tamil Glenmarie pula telah beroperasi di sebuah wad hospital di estet tersebut. Menurut laporan pula wad hospital ini lebih baik keadaannya daripada bangunan sekolah yang sebelumnya. Sebaliknya Sekolah Tamil Ladang Ichamaram di Kuala Selangor pula telah beroperasi di kuil estet tersebut akibat kemusnahan bangunan sekolah yang asal semasa pendudukan Jepun.⁴ Sekolah Tamil Ladang Shalimar di Bukit Rotan pula telah beroperasi di Kuil Muniandy pada awal tahun 1947, kerana bangunan sekolah yang asal juga telah musnah akibat perang.⁵

Memandangkan perjalanan sekolah di tempat-tempat terbuka seperti ini, terdapat banyak gangguan luar seperti bunyi bising, gangguan binatang berkeliaran umpamanya lembu dan kambing serta keselamatan perabot sekolah diancam akibat cuaca dan kecurian oleh orang luar. Dalam situasi ini pelajar sememangnya tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

Di kawasan bandar pula keadaannya agak berbeza sedikit kerana bangunannya lebih sesuai dari segi fizikal, sebagai sebuah sekolah. Namun, keadaan sekolah kebiasaannya penuh sesak dengan pelajar yang terlalu ramai. Ini menyebabkan dua sesi persekolahan dijalankan walaupun tujuan mengadakan dua sesi di sekolah-sekolah bandar berbeza dengan tujuan di sekolah ladang.

Gambar 1: Bangunan Lama Sekolah Tamil Ladang Rinching



Pada tahun 1953, bilangan pelajar Government Tamil School Bungsar Kuala Lumpur adalah seramai 314 orang, padahal bangunan sekolah tersebut hanya sesuai bagi 160 orang pelajar.⁶ Bilangan pelajar sekolah tersebut adalah hampir dua kali ganda daripada enrolmen yang sepatutnya. Masalah ini telah ditegur oleh K.D. Luke sendiri

selaku Penyelia Sekolah-sekolah yang menyatakan bangunan yang sedia ada sudah uzur dan perlu digantikan dengan yang baru.

Kebanyakan sekolah walaupun ada bangunan yang boleh dikatakan sebagai bangunan sekolah, namun tiada kemudahan asas lain seperti tandas, taman permainan, tanah perkebunan dan sebagainya. Bila tiada tandas, pelajar terpaksa pulang ke rumah yang kadang-kadang jauhnya setengah batu. Apabila pelajar pulang ke rumah maka tentunya mereka membuang masa dan tenaga mereka yang sepatutnya digunakan untuk menimba ilmu.


Hanya mulai tahun 1947, barulah pihak British mula mengadakan syarat bagi bangunan sekolah yang sesuai supaya boleh diberi bantuan kewangan. Kerajaan hanya mendaftar sekolah bagi bantuan kewangan jika majikan menyediakan bangunan sekolah seperti spesifikasi yang ditentukan oleh kerajaan seperti yang telah dibincangkan di bab yang terdahulu.

Gambar 2: Bangunan Baru Sekolah Tamil Ladang Rinching



Jika dilihat struktur fizikal sekolah Tamil secara umum, maka iaanya beroperasi di sebuah bangunan sahaja. Bangunan berpapan seperti dalam lakaran di halaman sebelah, dibahagikan kepada bahagian-bahagian berbentuk bilik darjah dengan menggunakan *wooden screen* (skrin papan) kira-kira enam kaki tinggi. Skrin papan ini tidak berbentuk *noise proof* yang menghalang bunyi daripada bergerak. Dalam keadaan ini, bunyi bising dari sebuah kelas akan mengganggu kelas di sebelah. Ini mengganggu kualiti pengajaran dan pembelajaran di kelas kerana masing-masing guru akan bersaing suara untuk menyampaikan isi pelajaran dan akhirnya tidak banyak yang akan diperolehi oleh pelajar kerana mereka tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pembelajaran akibat suasana bising dan penuh sesak tanpa peredaran udara yang mencukupi.

Pelan 1: Pelan Lantai Sebuah Sekolah Tamil Secara Umum



Sumber: J. Rabindra Daniel, "A General Survey On Education Amongst the Malaysian Indian Plantation Community", dalam Malaysia in History, no. 24, 1981, hal. 88.

Masalah Pengajaran dalam Kelas Bercantum

Biasanya sekolah-sekolah Tamil menjalankan pengajaran dalam kelas bercantum. Ini disebabkan kekurangan pelajar di sesebuah darjah dan kekurangan guru di sekolah-sekolah Tamil. Dalam kelas bercantum seorang guru terpaksa mengajar sekurang-kurangnya dua darjah ataupun pelbagai darjah, bermula dengan Darjah I

hingga VI. Dalam keadaan ini tumpuan tidak dapat diberikan kepada sesebuah darjah ataupun kepada pelajar-pelajar lemah.

Setiausaha Agong Kesatuan Guru-guru Tamil Malaysia, iaitu Encik Shahul Hamid Mydin Shah menyatakan bahawa kelas bercantum merupakan salah satu sebab mengapa pelajar-pelajar India sering tidak mendapat pencapaian akademik yang baik.⁷ Memang ada benarnya kata-kata beliau itu apatah lagi di zaman sebelum merdeka di mana seorang guru terpaksa mengajar pelajar di sebuah sekolah yang berada di pelbagai darjah. Umpamanya di Sekolah Tamil Ladang Permatang , menjelang tahun 1947 terdapat seramai dua orang guru dengan 60 orang pelajar yang belajar dari Darjah I hingga VI.⁸ Dalam keadaan ini memang menjadi masalah bagi guru-guru tersebut kerana masa mata plejaran perlu dibahagikan kepada dua atau tiga darjah yang berlainan. Apabila sesuatu darjah membuat kerja menulis, guru akan mengajar bagi kelas lain dan sebaliknya. Untuk tujuan ini papan hitam disediakan di setiap sudut bangunan sekolah di mana sebuah papan hitam dikhaskan bagi sebuah bilik darjah.⁹

Dalam kelas bercantum, guru terpaksa mengajar setiap darjah mengikut giliran. Semasa beliau mengajar di sesebuah darjah, pelajar-pelajar di darjah lain akan terbiar sebagai '*a flock of sheep without a shepherd*',¹⁰ iaitu mereka dibiarkan tanpa pengawasan yang sewajarnya. Paling banyak guru itu dapat meluangkan sejam sahaja bagi setiap darjah. Di bawah sistem ini, disiplin pelajar susah untuk dijaga. Keadaan ini sama seperti keadaan di sekolah verandah di kampung-kampung kecil di negara India. Sistem ini tidak membawa faedah kepada perkembangan minda pelajar kerana tidak banyak yang mereka pelajari dalam masa yang begitu singkat.

Jadual 14: Bilangan Sekolah-sekolah Tamil, Pelajar dan Guru di Selangor bagi Tahun 1952

	Bil. Sekolah	Bil. Pelajar	Bil. Guru
Sekolah Kerajaan	9	1719	58
Sekolah Ladang	198	7870	296
Sekolah Mubaligh	3	415	11
Sekolah Komiti	27	2490	80
JUMLAH	237	12494	445

Sumber: Annual Report on Education for 1952, Federation of Malaya, hal. 90.

Jadual di atas bagi tahun 1952 menunjukkan kekurangan guru berlaku terutamanya di sekolah-sekolah ladang dan sekolah mubaligh di Selangor. Nisbah guru dan pelajar di sekolah kerajaan ialah seramai seorang guru bagi 30 orang pelajar. Nisbah guru bagi pelajar di sekolah ladang ialah seorang guru bagi 40 orang pelajar. Nisbah guru dan pelajar bagi sekolah mubaligh ialah seorang guru bagi 38 orang pelajar. Sekolah komiti pula terdiri daripada nisbah seorang guru bagi 31 orang pelajar.

Sekolah ladang biasanya mempunyai bilangan pelajar dalam lingkungan 40 orang yang terdiri daripada semua darjah. Ini bermakna kebanyakan sekolah-sekolah Tamil di ladang terdiri daripada kelas bercantum dengan seorang guru, yang menimbulkan masalah pengajaran.

Masalah Persekutaran Rumah

Rumah kuli di ladang biasanya kecil dan tidak mencukupi kemudahan asas. Kebiasaannya disediakan rumah teres atau dahulunya dikenali sebagai *coolie lines*, di mana hanya terdapat dua buah bilik kecil, sebuah dapur dan sebuah ruang tamu yang kecil.¹¹ Dengan bilangan anak yang ramai, keadaan rumah sedemikian tidak mencukupi bagi perkembangan minda dan sahsiah pelajar.

Gambar 3: Petempatan Buruh Awal di Sungai Ijok, Selangor



Sumber: Gambar Bersejarah Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Kesesakan di rumah menyebabkan kanak-kanak lebih suka menghabiskan masa di luar rumah dengan bermain-main dengan kawan-kawan mereka. Apabila keadaan ini

berlarutan, mereka tidak mengambil berat untuk mentelaah pelajaran atau menyiapkan kerja yang diberi oleh guru mereka. Ini kemudian menjadi satu masalah mengapa para pelajar khususnya di ladang sering ketinggalan dalam pelajaran.

Kesesakan di rumah yang mengakibatkan kanak-kanak sering menghabiskan masa di luar rumah juga menyebabkan kerenggangan hubungan ibu bapa dan anak. Apabila ini berlaku, maka perhatian dan tumpuan terhadap anak akan berkurangan menyebabkan mereka tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka. Aspirasi sekolah untuk melahirkan pelajar yang pandai dengan sendirinya terjejas dalam keadaan ini. Apa yang jelas ialah keadaan rumah yang tidak kondusif juga turut menyumbang terhadap masalah pendidikan Tamil di Tanah Melayu.

Di samping itu, ada pula keluarga yang sentiasa berpindah-randah dari sebuah ladang ke ladang yang lain untuk mencari pekerjaan yang menjamin pendapatan yang lebih. Bila anak-anak mereka terpaksa mengikut ibu bapa mereka, maka pelajaran mereka akan terganggu sedikit sebanyak kerana pertukaran sekolah dan persekitaran sekolah serta rumah yang baru menyebabkan mereka memerlukan masa untuk menyesuaikan diri di sekolah baru. Ini sememangnya menjelaskan pelajaran kanak-kanak tersebut.

Masalah Guru Yang Berkualiti

Kebanyakan guru-guru sekolah Tamil sebelum Perang Dunia Kedua adalah guru-guru yang tidak terlatih. Sejak awal lagi kita dapat melihat bahawa pengajaran di *Thinnai Palli* dijalankan oleh orang yang celik huruf dan bukannya oleh seorang guru yang terlatih. Ada guru-guru yang menunggu peluang pekerjaan yang lebih baik . Oleh

yang demikian mereka tidak benar-benar ingin menjadi guru dan kerja guru bagi mereka hanyalah sebagai batu loncatan sahaja.

Guru-guru juga menghadapi masalah peribadi umpamanya di sekolah-sekolah ladang, kebanyakannya tidak disediakan kuarters guru. Kuarters guru ini sepatutnya disediakan oleh majikan. Apabila tiada tempat penginapan yang sesuai, guru-guru yang sudah sememangnya mendapat gaji yang rendah terpaksa mencari tempat penginapan tersendiri. Ini menjadi masalah dan mengakibatkan gangguan saikologi bagi guru tersebut menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam pelajaran.

Ada guru-guru yang terpaksa tinggal jauh dari sekolah dan berulang-alik dengan basikal atau bas. Mereka seringkali lambat masuk ke sekolah. Sebagai contoh, sebelum merdeka guru-guru sekolah Golconda iaitu Encik K. Muthusamy dan Encik S. Raghavan terpaksa berulang-alik 18 batu kerana tiada penginapan berhampiran dengan kawasan sekolah.¹² Pelajar pula ketinggalan tanpa guru dan membuang masa menunggu guru. Apabila perkara ini berulang, pelajar dengan sendirinya akan berhenti daripada menghadiri sekolah.

Jarang sekali sekolah-sekolah ladang menyediakan rumah guru. Ada guru-guru yang terpaksa tinggal di rumah sederet dengan rumah buruh ladang. Apabila guru di terpaksa berkongsi premis dengan pekerja, maka imejnya sedikit-sebanyak terjejas di kacamata ibu bapa kerana mereka tidak akan melihat profesion perguruan itu sebagai suatu pekerjaan yang bermartabat tinggi. Penyelia sekolah-sekolah India sendiri pernah menyentuh tentang perkara ini melalui kenyataan seperti berikut:

"In order to encourage and secure the best services of teachers they should be housed in subordinate officers' quarters. ... This is the responsibility of the Managers of Aided

Schools and is a condition on which the grant-in-aid is payable. "¹³

Terdapat ladang-ladang di mana pengurus tidak menyediakan perumahan bagi guru-guru yang dilantik di sekolah mereka dengan alasan bahawa tidak cukup punca kewangan padahal kerajaan menuntut rumah disediakan bagi guru sebagai salah satu syarat pemberian bantuan kewangan.

Guru-guru yang berkeadaan tidak tenteram akibat ketiadaan tempat yang sesuai ini, lama-kelamaan akan menjadi kurang aktif dan tidak menepati masa hadir ke sekolah. Mereka juga berkemungkinan pulang lebih awal seperti yang dapat dilihat dalam laporan-laporan Penyelia Sekolah Tamil sebelum merdeka, di mana sekolah sudah pun ditutup semasa mereka hendak pergi menyelia. Masalah ini amat berleluasa di kalangan guru-guru yang tinggal jauh dari sekolah.

Selain daripada itu timbul pula masalah kualiti guru apabila seseorang itu dilahirkan, diperbesarkan dan bekerja sebagai guru di ladang atau tempat yang sama seperti yang dibuktikan oleh Penyelia Sekolah-sekolah India yang berbunyi demikian:

"It is recommended that persons living near the estate be not appointed as teachers for they are liable to be pre-occupied and cannot give much attention to school, nor can they normally add to prestige."¹⁴

Apabila guru tersebut tinggal bersama dengan keluarganya di ladang yang sama di mana beliau diperbesarkan maka ada kemungkinan beliau akan terlibat dengan banyak kegiatan yang lain selain daripada tugas mengajar kerana ikatan yang sudah sedia ada. Ada kemungkinan guru tersebut juga akan menghasut pekerja menentang

majikan ladang. Apabila perkara-perkara sedemikian berlaku maka, kualiti guru itu dengan sendirinya akan terjejas.

Di kebanyakan estet, kerani, *conductors*, *dispensers*, kangani malahan buruh sendiri yang boleh membaca dan menulis ditugaskan untuk mengambil alih tanggungjawab mengurus sekolah selama beberapa jam dalam sehari. Dalam keadaan ini kita tidak boleh mengharapkan penyampaian pengajaran yang berkualiti terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua.

Di sesetengah ladang, gaji guru pula sangat rendah. Ini menyebabkan guru-guru yang berkelayakan tidak kekal dalam jawatan tersebut selama-lamanya. Hanya guru-guru yang kurang berkelayakan akan tinggal di ladang-ladang kerana tiada peluang pekerjaan lain. Pengajaran yang berkualiti tidak boleh diharapkan daripada guru-guru sedemikian.

Terdapat juga situasi di mana guru-guru yang berkelayakan yang datang dari India, memegang jawatan guru di ladang dan jawatan ini dijadikan sebagai batu loncatan untuk mendapat pekerjaan guru di kawasan urban dengan gaji yang lebih baik.¹⁵ Masalah ini timbul kerana sehingga tahun 1937, tiada latihan perguruan di Tanah Melayu. Maka sehingga tahun 1937, tugas mengajar di sekolah bolehlah dikatakan sebagai perkara yang olok-olok sahaja yang diamalkan oleh pihak British. Jelaslah bahawa sikap British terhadap pendidikan Tamil sebagaimana pendidikan Melayu adalah sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Akibat sikap ini standard dan kualiti pendidikan Tamil sebelum merdeka amat tidak memuaskan.

a b Kualiti Pendidikan

Di negara-negara Asia, pendidikan di bawah kerajaan kolonial merupakan sebuah kuat untuk mengikis ketidaksamarataan sosial dengan membuka jalan kepada pencapaian pelajara-pelajar yang kurang berada. Melalui pendidikan ini, pelajar-pelajar dari keluarga yang sederhana tahap ekonomi dapat membaiki diri mereka dan masuk ke dalam kumpulan elit apabila mereka mendapat pendidikan Inggeris.

Pendidikan Tamil pada masa dahulu hanyalah sehingga peringkat rendah sahaja. Biasanya tamat Darjah VI dan Darjah VII bagi mereka yang ingin menjadi guru, maka lagi yang mereka boleh harapkan dengan bekalan pendidikan Tamil. Dengan itu angkatan mereka selepas darjah-darjah tersebut tersekat begitu sahaja. Ini abkan polisi pihak kolonial yang tidak memberi tumpuan terhadap pendidikan khusus Tamil selain daripada pendidikan Inggeris. Semua subjek yang diajar adalah dalam Bahasa Tamil. Tiada pengajaran dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Ini sebabkan pelajar tidak dapat melanjutkan pelajaran dalam aliran lain umpamanya dalam aliran Inggeris setelah tamat darjah tertinggi di sekolah Tamil.

Pendidikan Tamil di Tanah Melayu tidak mempunyai nilai ekonomi bagi angkatkan diri mereka yang berpelajaran dalam aliran tersebut. Tiada peluang kerjaan berdasarkan kelulusan dalam aliran ini kecuali menjadi guru di sekolah Tamil. Ini merupakan salah satu punca mengapa enrolmen di sekolah-sekolah Tamil kurangan sejajar dengan peningkatan darjah kerana ibu bapa yang berwawasan lagi pada mulanya menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil untuk mendapatkan pendidikan Tamil yang asas. Setelah beberapa tahun, anak-anak mereka diberhentikan dari sekolah Tamil dan didaftar untuk mendapat pendidikan dalam aliran Inggeris.

Keadaan ini disebabkan dasar British yang hanya mengambil tenaga kerja yang berpengetahuan Inggeris untuk bekerja di sektor perkhidmatan awam pada masa itu.

Tambahan pula, pada tahap awal buku-buku bagi sekolah Tamil didatangkan dari negara India. Jelaslah isi kandungannya adalah berunsurkan dan berlatarbelakangkan negara India. Isi kandungannya hanya sesuai untuk negara India dan apabila buku-buku tersebut digunakan di sini, hanyalah sekadar belajar teori sahaja dan tidak dapat mengaplikasikan dalam kehidupan seharian pelajar. Ini secara tidak langsung membawa kepada masalah peningkatan dalam diri kanak-kanak tersebut.

Masalah Keciciran

Keciciran adalah satu fenomena yang utama di kalangan pelajar-pelajar India khususnya mereka yang tinggal di ladang. Kadar keciciran ini sangat berleluasa kerana masalah kemiskinan. Kebanyakan kanak-kanak estet datang dari keluarga yang miskin. Pendapatan keluarga yang sangat rendah di ladang memaksa ibu bapa menghantar anak-anak yang cukup umur untuk bekerja di ladang bagi mendapatkan pendapatan tambahan.

Kesempitan kewangan juga menyebabkan ibu bapa tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kanak-kanak ini akan mengikut ibu bapa ke ladang dan buat apa sahaja kerja yang termampu seperti memungut susu getah, merumput, mengutip biji getah dan sebagainya. Untuk menambahkan pendapatan keluarga, ibu bapa rela mengabaikan pelajaran anak-anak.

Gambar 4: Seorang Kanak-kanak Lelaki Sedang Mengutip Getah Beku di Ladang Midlands



Sumber: Buku Cenderamata Sejarah Ladang Midlands oleh Bekas Pelajar SRJK(T) Ladang Midlands, Klang, 2001, hal. 68.

Di sekolah yang ada sesi petang khas bagi kanak-kanak bekerja pula, sebelum merdeka, pada waktu pagi kanak-kanak tersebut pergi ke ladang. Apabila mereka datang ke sekolah pada sebelah petang, mereka kelihatan letih dan tiada semangat untuk belajar. Ini menyebabkan mereka terus ketinggalan. Keletihan ini diakibatkan mereka terpaksa bekerja dan makanan yang tidak cukup zat. Dalam hal ini ada

pengurus ladang yang menyediakan minuman susu atau makanan percuma hasil daripada keuntungan yang didapati daripada penjualan todi di ladang.

Apa yang lumrah di sekolah-sekolah Tamil pada masa itu ialah jarang ada pelajar yang mencapai Darjah VI. Mereka meninggalkan bangku persekolahan apabila meningkat umur sembilan atau sepuluh tahun. Ini kerana kebanyakan kanak-kanak berhenti bersekolah selepas tamat Darjah IV dan membantu ibu bapa di ladang. Ibu bapa pula berpendapat tiada faedah menghantar anak-anak mereka belajar di darjah yang lebih tinggi kerana lambat-laun mereka akan ke ladang juga untuk mencari punca pendapatan.

Timbul juga persoalan mengapa majikan memberi pekerjaan kepada kanak-kanak yang sepatutnya berada di sekolah. Bukan semua pengurus ladang yang ingin mengambil kesempatan memberi kerja kepada kanak-kanak, tetapi mereka terpaksa berbuat demikian supaya dapat mengekalkan tenaga kerja yang secukupnya di ladang mereka. Andaikata mereka tidak memberi kerja kepada anak-anak pekerjanya, maka buruh di ladang tersebut akan mencari majikan lain yang sudi memberi kerja bagi anak-anak mereka.¹⁶ Ini seterusnya menyumbang kepada masalah keciciran kanak-kanak itu daripada menghadiri sekolah.

Dasar kerajaan British ialah majikan harus menyediakan pendidikan bagi anak-anak pekerjanya jika terdapat sepuluh orang kanak-kanak berumur tujuh tahun ke atas. Atas dasar ini banyak sekolah Tamil telah muncul bagaikan cendawan tetapi tiada kualiti atau mutu yang boleh dibanggakan. Sebaliknya sekolah disediakan untuk memenuhi laungan kerajaan. Apabila berlaku masalah tidak ekonomik untuk menjalankan sekolah-sekolah kecil maka banyak sekolah yang telah dicantumkan. Jadi ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang lebih jauh. Ada

majikan yang menyediakan pengangkutan tetapi ada majikan yang tidak menyediakan kemudahan ini. Ibu bapa yang tidak termampu pula, tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana tidak dapat menyediakan pengangkutan. Anak-anak yang tidak pergi ke sekolah ini akhirnya akan keciciran dan terus meninggalkan alam persekolahan.

Jadual 15: Bilangan Pelajar di Sekolah-Sekolah Tamil Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Tahun 1935

Kelas	Bilangan	Di dalam	Kelas	Peratus	Daripada Keseluruhan	Enrolmen
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Primary ..	5,073	3,467	8,540	50.2	69.2	56.5
Darjah I	2,133	769	2,902	21.1	15.3	19.2
II	1,312	407	1,719	13.0	8.1	11.4
III	911	248	1,159	9.0	5.0	7.7
IV	564	104	668	5.6	2.1	4.4
V	110	17	127	1.1	0.3	0.8
JUMLAH	10,103	5,012	15,115	100.0	100.0	100.0

Sumber: Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1936, hal. 33.

Daripada jadual di atas, kita dapat merumuskan bahawa enrolmen yang paling tinggi ialah di dalam kelas *Primary* iaitu hampir 50 peratus daripada jumlah pelajar keseluruhannya, diikuti oleh Darjah I dan II. Bagi tahun 1935, daripada 10,103 jumlah pelajar lelaki, hanya 564 orang sahaja yang terdapat di Darjah IV yang bersamaan dengan 5.6 peratus. Di Darjah V pula, terdapat hanya 110 orang pelajar sahaja iaitu dengan peratusan 1.1. Bagi pelajar perempuan pula pada tahun tersebut, daripada

jumlah seramai 5,012 orang pelajar, hanya terdapat seramai 104 orang sahaja di Darjah IV. Di Darjah V, hanya terdapat seramai 17 orang sahaja iaitu 0.3 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan pelajar perempuan.

Apa yang dapat dirumuskan ialah semakin tinggi darjah kenaikan, semakin rendah enrolmen pelajar lebih-lebih lagi pelajar perempuan. Pelajar perempuan berkurangan dalam darjah yang tinggi menunjukkan ibu bapa yang beranggapan bahawa anak-anak perempuan tidak memerlukan pelajaran kerana hidup mereka akan berakhir di rumah sebagai suri rumah tangga untuk menjaga suami dan anak-anak.

Ketidakhadiran Pelajar ke Sekolah

Ketidakhadiran pelajar di sekolah-sekolah Tamil sering merupakan masalah besar sebelum merdeka mahupun selepas merdeka. Perkara ini berlaku kerana ketidaksedaran ibu bapa akan kepentingan pelajaran bagi anak-anak mereka.

Ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang persekolahan anak-anak mereka adalah punca utama ketidakhadiran pelajar. Mereka tidak mengambil kisah jika anak-anak mereka ponteng sekolah. Malah ada kalanya anak-anak mereka diarahkan untuk tidak pergi ke sekolah dengan alasan mereka dikehendaki menolong di ladang atau menjaga adik di rumah bagi pelajar-pelajar perempuan. Sikap yang sedemikian ini menunjukkan ibu bapa tidak memahami akan kepentingan pelajaran bagi masa depan anak-anak mereka kerana mereka sendiri tiada pendedahan daripada ibu bapa mereka tentang kepentingan pelajaran. Hidup mereka hanya sekadar ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’.

Ini ditambah pula dengan dorongan secara tidak langsung oleh majikan dengan memberi sedikit gaji bagi kanak-kanak di bawah umur supaya mereka bekerja di ladang

yang telah dibincang terlebih dahulu. Apabila pelajar mendapat pendapatan bagi ntu keluarga, mereka mula ponteng sekolah. Masalah ini menyebabkan kanak-tersebut ketinggalan dalam pelajaran.

Ekoran daripada masalah ini, kanak-kanak yang sedemikian tidak dapat lulus peperiksaan kerajaan dan mereka tidak dapat naik ke darjah yang seterusnya. Kelamaan pelajar-pelajar ini rasa bosan duduk di kelas yang sama untuk beberapa dan akhirnya mereka bertindak berhenti sekolah dan kekal sebagai buruh di s, sama seperti ibu bapa mereka.

Selain daripada itu, peristiwa-peristiwa yang mendorong para pelajar ponteng tidak hadir ke sekolah ialah upacara-upacara perayaan seperti Thaipusam dan gal. Pada hari-hari perayaan ini, mereka lebih suka hadir ke kuil untuk rnbahyang daripada hadir ke sekolah untuk menimba ilmu. Pelajar juga tidak ke sekolah apabila ada upacara perkahwinan di ladang mereka, kerana mereka gikut ibu bapa ke rumah upacara tersebut. Masalah-masalah yang sedemikian menyebabkan kehadiran pada hari-hari tertentu amat berkurangan. Ini seterusnya ganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, ada juga ibu bapa , pada tahap awal tidak menghantar anak-anak sek ke sekolah yang sama dengan pelajar yang berkasta rendah. Amalan kasta ini ikar-umbi sejak dari negara India lagi. Masalah ini pernah berlaku di Sekolah Tamil ng. Pada tahun 1917, enrolmen sekolah ini adalah seramai 60 orang pelajar. Tahun ikutnya, enrolmen telah berkurangan menjadi 49 kerana keengganan ibu bapa dari ta tinggi menghantar anak-anak mereka bersekolah dengan pelajar berkasta dah.¹⁷

Sikap Ibu Bapa Yang Tidak Mementingkan Pendidikan Anak

Perkembangan sahsiah dan mental seseorang kanak-kanak amat bergantung kepada dorongan ibu bapa. Kalau kanak-kanak itu tidak diberi dorongan yang sewajarnya, maka amat susah pula bagi insan itu berjaya dalam kehidupannya. Dorongan sedemikian tidak dapat diharapkan daripada ibu bapa yang buta huruf kerana mereka sendiri tidak memahami akan kepentingan pendidikan bagi masa depan yang cemerlang. Ini merupakan salah satu sebab mengapa kanak-kanak di ladang sangat ketinggalan dalam pelajaran dan sering berhenti sekolah dalam usia yang begitu muda.

Ini didorong pula oleh sikap ‘fatalistik’ ibu bapa itu. Pandangan ‘fatalistik’ ialah menerima apa sahaja keadaan tanpa berjuang untuk mengatasi keadaan tersebut. Pandangan ini pula ditambah dengan ‘Hukum Karma’ yang masih dipercayai oleh pihak konservatif tersebut. Kepercayaan kepada hukum ini menyebabkan mereka berserah kepada takdir walau apa pun terjadi kepada mereka. Kalau mereka mengelak bermakna mereka bersalah. Mereka tidak ingin memperbaiki diri mereka. Bagi mereka segala apa yang dialami oleh mereka adalah disebabkan ‘Hukum Karma’.

Sikap fatalistik ini seterusnya diperturunkan kepada anak-anak mereka . Anak-anak mereka juga secara tidak langsung akan mempercayai tentang ‘Hukum Karma’ ini menyebabkan tiada sebarang usaha yang lahir untuk memperbaiki keadaan mereka dan menjadi lebih maju dalam pelajaran yang seterusnya dapat mengubah keadaan ekonomi mereka ke arah yang lebih baik. Sikap yang sedemikian banyak terdapat di kalangan ibu bapa yang tinggal di ladang menyebabkan anak-anak mereka terus ketinggalan dalam pelajaran.

Mengabaikan Pendidikan Anak-anak Perempuan

Pada keseluruhannya dan khususnya, kaum wanita dipandang rendah sejak dahulu lagi di kalangan masyarakat India. Bagi mereka wanita hanya bertugas menguruskan rumah tangga sahaja. Jadi, kaum wanita bagi mereka tidak perlu belajar tinggi. Apabila menjadi dewasa anak-anak perempuan terus dikahwinkan dan tugasnya yang utama ialah mengurus rumah tangga dan melahirkan serta membesarakan anak-anak.

Laporan tahunan tentang pendidikan bagi tahun 1936, menunjukkan pada tahun tersebut terdapat seramai 769 orang pelajar India di Darjah I dan hanya seramai 17 orang pelajar di Darjah V.¹⁸ Perbezaan angka di kedua-dua darjah tersebut jelas membuktikan betapa pelajaran bagi kanak-kanak India khususnya kanak-kanak perempuan tidak dipentingkan oleh ibu bapa. Fenomena ini dibuktikan lagi dengan hanya kewujudan sebuah sekolah Tamil bagi pelajar perempuan di Selangor pada masa dahulu. Sekolah tersebut dijalankan oleh Badan Mubaligh Katholik dengan enrolmen maksima seramai 180 orang pelajar pada tahun 1948.¹⁹

Sikap pandang rendah ini menyebabkan ibu bapa beranggapan bahawa anak-anak perempuan mereka tidak perlu mendapat pendidikan formal. Satu lagi sebab ialah, bagi kaum India dahulu, mengahwinkan anak-anak perempuan dalam usia muda adalah langkah bijak. Oleh yang demikian, anak-anak perempuan tidak berpeluang untuk belajar. Dalam keadaan kecinciran ini anak yang mereka lahirkan juga akan mengalami nasib yang sama kerana ibu bapa yang tidak mendapat pelajaran secukupnya tidak dapat membimbing anak-anak mereka ke jalan yang lebih maju.

Rumusan

Menyingkap kembali permasalahan yang menyelubungi perkembangan pendidikan Tamil di Tanah Melayu sebelum merdeka khususnya di Selangor, kita dapat membuat rumusan bahawa semua pihak telah sama-sama memberi kesan terhadap masalah-masalah yang berbangkit itu. Pertama sekali pihak ibu bapa yang seharusnya sedar akan kepentingan pelajaran bagi anak-anak mereka didapati leka dalam hal ini. Mereka lebih berminat melihat anak-anak mereka mencari pendapatan bagi keluarga.

Pihak majikan juga harus dipersalahkan kerana seringkali tidak memberi kemudahan bangunan sekolah, perabot dan kemudahan asas yang mencukupi serta majikan juga ingin menggunakan tenaga kanak-kanak untuk mencari keuntungan. Kebanyakan ladang menyediakan sekolah Tamil sekadar menjawab sahutan Kod Buruh 1923 yang mengarahkan majikan menyediakan kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak di ladangnya jika terdapat bilangan kanak-kanak yang secukupnya.

Pihak guru juga harus dipersalahkan dalam hal permasalahan perkembangan pendidikan Tamil. Mereka seringkali tidak berpuas hati dengan majikan dan persekitaran sekolah menyebabkan sering bertukar sekolah kerana pada tahap awal majikan yang menentukan gaji guru. Di ladang-ladang yang gajinya kurang dan tidak mencukupi kemudahan asas maka guru itu tidak akan kekal lama. Apabila guru-guru kerap berpindah pendidikan kanak-kanak di bawah jagaannya terus terjejas sehingga ada guru baru.

Kanak-kanak pula tidak cukup pendedahan tentang alam luar selain daripada keadaan persekitaran ladangnya. Ini menyebabkan mereka tidak mengetahui akan kepentingan pendidikan lalu tidak memberi tumpuan penuh terhadap pelajaran. Mereka tidak dapat membangun bersama-sama dengan arus kemajuan semasa.

Nota Hujung:

¹ Sekolah Tamil Port Swettenham telah beroperasi di bengkel membaiki kereta pada tahun 1927. Kos pengubahaian bengkel kepada sekolah telah dibiayai oleh Jabatan Pelajaran Selangor.

² Sel. Sec. B.R.O. 1922, Vol. 1, 642/22, Taj: Annual Report of Education Department, Selangor for the Year 1921.

³ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, U. Lgt. 2, Taj: Ampar Tenang Estate Tamil School, Kajang.

⁴ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K. Sel. 25, Taj: Ichamaram Estate Tamil School.

⁵ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K. Sel. 49, Taj: Shalimar Estate Tamil School.

⁶ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 8, Taj: Government Tamil School, Bungsar Road, Kuala Lumpur.

⁷ The Sun, 21 November 1995.

⁸ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, Klg. 16, Taj: Permatang Estate Tamil School.

⁹ Kenyataan Encik S. Kandasamy yang pernah belajar di kelas bercantum, hasil temubual pada 15 Disember 2001.

¹⁰ Malay Mail, 15 June 1949.

¹¹ J. Rabindra Daniel, "A General Survey On Education Amongst the Malaysian Indian Plantation Community", dalam Malaysia in History, No. 24, hal. 89.

¹² Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, Klg. 12, Taj: Golconda Estate School, Kapar.

¹³ Annual Report on Social and Economic Progress of Selangor, 1948.

¹⁴ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, Klg. 25, Taj: North Hummock Estate Tamil School.

¹⁵ Arasaratnam Sinnappah, Indians in Malaysia and Singapore, Bombay: Oxford University Press, 1970, hal. 180.

¹⁶ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1949, hal. 65.

¹⁷ Sel. Sec. B.R.O. 1919, Vol. 1, 924/19, Taj: Annual Report for 1918, Education Department of Selangor.

¹⁸ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1936, hal. 33.

¹⁹ Annual Report on Social and Economic Progress of Selangor, 1948.

KESIMPULAN

Masyarakat India telah datang ke Tanah Melayu sejak berabad-abad dahulu sebelum pihak British sendiri datang ke mari sebagai penjajah. Kedatangan mereka adalah sebagai peniaga dan duta Tamadun Agong India sehingga budaya mereka dapat diasimilasikan secara aman di kalangan penduduk tempatan. Kehadiran mereka dapat dibuktikan melalui asimilasi bahasa dan budaya, juga dari segi agama sebelum agama Islam mula bertapak di rantau ini.

Kehadiran pihak British telah mengubah wajah rantau ini terutamanya Tanah Melayu yang datang dengan niat utamanya untuk mencari kekayaan. Dengan itu kita dapat melihat kemasukan secara beramai-ramai orang India Selatan ke Tanah Melayu. Pantai barat telah mendapat perhatian British sebagai kawasan yang strategik untuk memulakan kegiatan pertanian. Negeri Selangor dan Perak adalah NNMB yang mendapat perhatian yang serius dari pihak British, kerana kedudukannya yang strategik di pantai barat dan merupakan negeri-negeri yang lebih berprospek dalam mengaut keuntungan bagi kerajaan kolonial. Oleh yang demikian, kita dapat melihat bahawa sejak awal lagi pihak British telah mula rancak menggerakkan aktiviti ekonominya di Selangor dan Perak.

Peredaran masa seterusnya menyaksikan kedatangan orang India, khususnya kaum Tamil dari India Selatan sebagai buruh imigran. Mereka ini telah dibawa masuk melalui berbagai cara dan sistem. Mereka telah ke mari sebagai ‘alat’ untuk menyahut tuntutan pihak British demi kepentingan ekonomi mereka. Tenaga mereka telah diperah sehabis mungkin untuk mencapai tujuan tersebut. Mereka telah ditempatkan di ladang-ladang terutamanya di pantai barat sebagai tenaga kerja buruh yang murah lagi efektif.

Kedatangan mereka pada mulanya adalah sebagai individu yang terdiri daripada ketua-ketua keluarga yang berhutang dan hidup susah di India Selatan. Mereka datang dengan tujuan untuk mencari pendapatan dan pulang ke tanah air mereka. Kemudian berlaku pula perpindahan unit-unit keluarga yang terdiri daripada isteri dan anak-anak mereka. Perpindahan ini seterusnya telah mewujudkan satu entiti masyarakat yang duduk menetap di Tanah Melayu.

Ekoran daripada penambahan bilangan buruh Tamil bersama-sama dengan anak-anak mereka, maka timbul keperluan bagi memulakan pendidikan Tamil di negara ini. Perlunya pendidikan bagi anak-anak mereka adalah untuk membolehkan mereka membaca dan menulis supaya dapat terus mengekalkan hubungan dengan negara India. Mereka juga ingin mengekalkan budaya yang telah mereka warisi dari India, melalui pendidikan Tamil di Tanah Melayu.

Usaha masyarakat Tamil untuk memastikan budaya dan tali persaudaraan di India kekal dipelihara, dapat dilihat melalui pendidikan tidak rasmi iaitu pendidikan *Thinnai Palli*. Orang perseorangan yang boleh membaca dan menulis telah memulakan usaha memberi ilmu kepada kanak-kanak Tamil di ladang. Pendidikan jenis ini biasanya diberi pada sebelah petang atau malam semasa semua orang sudah pulang dari pekerjaan mereka. Pelajaran biasanya dijalankan di verandah rumah dengan berbekalkan pelita minyak. Pasir menggantikan buku tulis. Guru yang membuka minda kanak-kanak itu diletakkan di tahap yang tinggi dan diberi kehormatan yang sewajarnya. Biasanya guru yang mengajar, berbuat demikian atas tanggungjawab sosial dan bukannya untuk mendapatkan pendapatan tambahan.

Usaha perseorangan ini kemudiannya disusuli dengan usaha tindakan kerajaan membuka sekolah di sana-sini tetapi tidak diberi perhatian yang serius. Usaha mereka adalah bagaikan pemberian secara terpaksa supaya buruh imigren tidak merasakan bahawa mereka masih duduk berjauhan dari tanah air mereka. Oleh yang demikian sekolah-sekolah awal ini seringkali ditutup kerana bilangan pelajar yang tidak mencukupi, ataupun ketiadaan bangunan yang sesuai. Sekolah-sekolah dibuka di sana sini atas permintaan ibu bapa yang menginginkan pendidikan berbentuk formal bagi anak-anak mereka. Tuntutan ini juga disebabkan anggapan pihak British bahawa orang Tamil ini masih belum duduk menetap di sesebuah tempat, jadi pendidikan bagi mereka belum diperlukan lagi. Di sebalik fenomena ini ada juga majikan yang prihatin terhadap pendidikan bagi anak-anak pekerjanya telah membuka sekolah di ladangnya.

Titik-tolak sebenarnya perkembangan pendidikan Tamil di Tanah Melayu dan di Selangor khususnya, telah bermula dengan terlaksananya Kod Buruh 1923. Kod ini pun menjadi kenyataan akibat daripada desakan beberapa pihak di negara India yang sentiasa melaung-laungkan kepentingan pendidikan bagi anak-anak buruh imigren. Kod ini berkehendakkan pihak majikan yang mempunyai sepuluh atau lebih kanak-kanak sebangsa yang berumur di antara 7 hingga 14 tahun, membuka sebuah sekolah di ladangnya. Akibat daripada peraturan ini banyak sekolah ‘terpaksa’ dibuka oleh majikan ladang. Oleh kerana bukan dari perasaan tanggungjawab sosial, maka seringkali, kita dapat melihat sekolah-sekolah yang dibuka itu tidak menepati standard sebuah sekolah yang menjanjikan mutu pendidikan yang baik.

Sekolah dibuka di mana-mana bangunan yang dianggap boleh mengumpulkan kanak-kanak Tamil ini. Guru pula terdiri daripada sesiapa yang boleh membaca dan

menulis biarpun mereka dari golongan kangani, pembantu perubatan di ladang ataupun buruh di ladang itu sendiri. Guru-guru tersebut biasanya meluangkan beberapa jam sehari daripada tugas harian untuk melaksanakan kerja-kerja mengajar ini. Gaji pula dibayar mengikut apa yang ditetapkan oleh majikan.

Sekolah yang dimulakan oleh kerajaan bagi anak-anak pekerja pihak kerajaan seperti Jabatan Keretapi dan Jabatan Kerja Raya, keadaannya adalah lebih elok sedikit berbanding dengan sekolah-sekolah ladang kerana sekolah-sekolah ini terdapat di kawasan bandar. Organisasi serta bangunan juga adalah lebih baik. Sebaliknya di Selangor sekolah-sekolah ladang terdapat dalam bilangan yang banyak dengan kekurangan bangunan sekolah, guru-guru serta pelajar yang berkualiti.

Pada tahap awal, buku-buku dan guru semuanya didatangkan dari India kerana ketiadaan buku-buku berunsurkan keadaan tempatan dan ketiadaan latihan perguruan di Tanah Melayu. Di samping itu, guru-guru di sini juga boleh dikatakan belum ada kelulusan yang mencukupi bagi menjadi guru yang layak serta menulis buku-buku yang berkualiti.

Kebanyakan sekolah yang dibuka adalah sekolah ladang memandangkan daerah-daerah di Selangor pada mulanya dipenuhi dengan ladang-ladang, termasuk Kuala Lumpur sendiri. Oleh yang demikian taraf sekolah-sekolah ini adalah rendah kerana kurang pembiayaan dari pihak pengurusan walaupun di sana-sini ada juga pengurusan ladang yang mengambil berat tentang pendidikan kanak-kanak India.

Berkaitan dengan kurikulum dan sukanan pelajaran pula, matapelajaran yang diajar adalah dalam bahasa Tamil. Sukatan Pelajaran tahun 1908 adalah lebih ringkas dan tidak terperinci seperti Sukatan Pelajaran yang disediakan pada tahun 1936. Namun

matapelajaran yang diajar ialah penguasaan Bahasa Tamil, dari segi bacaan, pemahaman dan penulisan. Matematik diajar dari Darjah *Primary* lagi, yang kemudiannya dikenali sebagai Darjah 1. Perkiraan penukaran matawang tempatan kepada matawang negara India diberi penekanan. Juga terdapat matapelajaran mendeklamasikan puisi sebagai matapelajaran yang mengukuhkan pengetahuan Bahasa Tamil di kalangan pelajar.

Selain daripada itu Geografi diajar bermula dengan pengenalan struktur muka bumi di kawasan tempatan dan dilanjutkan dengan pengajaran tentang hubungan Tanah Melayu dengan negara India. Struktur Geografi presidensi Madras juga diberi penekanan kerana buku-buku masih didatangkan dari negara India. Mata pelajaran lain yang diajar di sekolah-sekolah Tamil ialah lukisan dan perkebunan. Di samping itu juga diperkenalkan cara-cara komunikasi dengan negara India melalui sistem pengangkutan dan pos. Semua ini adalah untuk mengekalkan hubungan dengan negara India.

Satu kekurangan yang terdapat dalam sukanan pelajaran sebelum merdeka ialah, tiada matapelajaran Sejarah dan Sains. Ketiadaan kedua-dua matapelajaran ini masih menjadi tanda tanya memandangkan betapa pentingnya kedua-dua matapelajaran tersebut bagi pembangunan diri kanak-kanak dari segi memahami sejarah negara serta sebagai insan yang maju dari segi teknologi. Seterusnya sukanan pelajaran sekolah Tamil telah mengalami perubahan dengan terhasilnya Laporan Barnes, Laporan Razak, dan akhir sekali Laporan Rahman Talib. Dengan itu subjek Sejarah dan Sains telah mula dimasukkan ke dalam sukanan pelajaran sekolah Tamil.

Sekolah-sekolah Tamil di negeri Selangor ini, sebelum merdeka dalam usaha menjamin *survivalnya*, telah mengharungi berbagai liku-liku serta halangan. Satu daripadanya ialah ketiadaan bangunan yang sesuai, walaupun kerajaan melalui Jabatan

Pelajaran telah menetapkan garis panduan bagi pembinaan sebuah bangunan sekolah **Tamil**. Usaha mereka ini seringkali terbantut akibat sikap majikan yang memberi **berbagai** sebab atas bangunan yang tidak elok itu. Bangunan sekolah mengikut kriteria **yang ditetapkan** oleh kerajaan ialah sebuah bangunan sahaja, dibahagikan kepada kelas-**kelas** dengan diletakkan skrin papan. Ini memberi implikasi negatif kepada pengajaran-**pembelajaran** kerana bunyi bising dari sebuah kelas akan mengganggu kelas lain.

Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil di Selangor khususnya di ladang telah **menghadapi** masalah kekurangan guru-guru yang benar-benar layak. Kalau ada pun **guru-guru** yang sedemikian, bilangan mereka amat kurang atau pun mereka tidak kekal **lama** di ladang. Apabila mendapat peluang yang lebih baik di kawasan bandar, mereka **akan** berpindah ke sekolah di bandar. Dengan itu, kanak-kanak di sekolah ladang terbiar **tanpa** pangajaran dan tunjuk-ajar yang berkualiti. Masalah ini ditambah pula dengan **pengajaran** oleh seorang guru di dalam kelas bercantum yang tidak berapa memberi **impak** kepada pelajar yang berbagai tahap pencapaian akademik.

Pada tahap awal gaji guru ditentukan oleh majikan. Jadi guru-guru di kawasan **bandar** terutamanya di sekolah-sekolah kerajaan menerima gaji yang lebih berbanding **dengan** rakan-rakan sejawat mereka di sekolah-sekolah komiti dan ladang. Gaji yang **tidak** mencukupi ini menyebabkan guru-guru terpaksa mencari punca pendapatan yang **lain** untuk menampung keluarga. Ini menyebabkan mereka sedikit-sebanyak telah **kehilangan** reputasi di kalangan ibu bapa kerana bekerja dan tinggal di kawasan yang **sama** dengan kaum buruh yang lain.

Kemudian pihak kerajaan mula memberi subsidi bagi mempastikan perjalanan **sekolah-sekolah** Tamil secara lancar dengan cara memberi bantuan kewangan. Bantuan

ini pula hanya diberi kepada sekolah-sekolah yang beroperasi dalam aliran Tamil. Sekolah-sekolah aliran lain seperti aliran Malayalam, Telugu dan Punjabi tidak diambil kira dalam pemberian bantuan kewangan tersebut. Bantuan ini seharusnya digunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan seperti pembayaran gaji guru dan untuk membeli peralatan sekolah.

Walaupun Penyelia-penyelia serta Penolong Penyelia Sekolah-sekolah India seringkali melawat ke sekolah-sekolah ladang ini dan membuat laporan serta cadangan membaiki kualiti pendidikan di sekolah-sekolah Tamil, namun komen-komen yang membina ini tidak diberi perhatian yang serius oleh guru-guru serta majikan dan juga ibu bapa. Maka, kebanyakan komen tinggal sebagai komen di atas kertas sahaja tanpa sebarang tindakan susulan. Keadaan ini diakui oleh Penyelia serta Penolong Penyelia Sekolah India dalam lawatan seterusnya ke sekolah-sekolah yang terbabit itu.

Seterusnya pendidikan Tamil telah mengalami sedikit kemajuan dengan bermulanya latihan perguruan di Tanah Melayu dengan cawangan yang pertama di Klang. Guru-guru pelatih menjalani latihan pada hujung minggu semasa bercuti. Guru-guru yang menjalani latihan diharapkan dapat menunjukkan profesionalism dalam tugas mereka. Tetapi apabila mereka terpaksa mengajar di kelas-kelas bercantum atau pun mengajar dua sesi sekolah, maka tanggungjawab mereka menjadi berat kerana mereka terpaksa menumpukan perhatian dalam pelajaran dan pengurusan sekolah kerana keadaan *one man show*. Beliaulah segala-galanya di sekolah tersebut. Ini menyebabkan pengajaran dalam kelas menjadi kurang berkesan.

Kekurangan perhatian oleh pihak majikan juga menyebabkan pendidikan di kalangan kanak-kanak Tamil khususnya di ladang tidak membawa perubahan pada diri .

kanak-kanak. Majikan lebih rela menyediakan sekolah dua sesi semata-mata untuk membolehkan pelajar bekerja di waktu pagi dan bersekolah di waktu petang.

Guru yang tidak prihatin terhadap keperluan pendidikan berkualiti bagi kanak-kanak ladang ditambah pula dengan sikap ibu bapa yang tidak mementingkan masa depan yang cerah bagi anak-anak mereka turut menyumbang terhadap tidak keberkesanan pendidikan Tamil di kalangan masyarakat India. Ibu bapa seringkali menggunakan tenaga anak-anak mereka untuk menambahkan pendapatan keluarga. Kanak-kanak wanita pula dinafikan kemudahan pelajaran kerana anggapan ibu bapa lambat-laun anak-anak perempuan mereka akan dikahwinkan dan tugas utama mereka ialah menguruskan rumah tangga. Ibu bapa tidak sedar bahawa membuka minda kanak-kanak perempuan akan membawa kemajuan di kalangan semua ahli keluarga.

Berdasarkan kepada kajian mengenai pendidikan Tamil di negeri Selangor sebelum merdeka, maka dapat dibuat penilaian bahawa pendidikan Tamil yang dimulakan sebagai satu usaha yang tidak serius itu, telah berlanjutan dalam keadaan sedemikian dari awal lagi sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Keadaan yang tidak memuaskan itu adalah akibat sikap daripada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pendidikan Tamil itu.

Kebanyakan majikan termasuk kerajaan sendiri, tidak memberi perhatian secukupnya terhadap pendidikan anak-anak pekerjanya. Guru-guru pula akibat gaji yang rendah dan sentiasa ingin mencari peluang yang lebih baik sering tidak menumpukan perhatian secara ikhlas dalam bidang tugas mereka. Ibu bapa pula masih kurang memahami kepentingan pendidikan bagi anak-anak mereka. Jadi sambutan bagi pendidikan Tamil untuk masa depan anak-anak mereka amat kurang.

Kajian juga menunjukkan bahawa sistem pendidikan zaman British hanya memberi peluang kepada ibu bapa masyarakat Tamil di ladang untuk mengantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil sahaja. Ini kerana di ladang-ladang tiada sekolah Inggeris. Keadaan ini menyebabkan kehidupan mereka berlepas di sekitar ladang sahaja, bermula dari saat mereka dilahirkan sehingga mereka masuk ke alam pekerjaan.

Ini ditambah pula dengan ketidaan nilai ekonomi bagi pendidikan Tamil, kerana pendidikan Tamil ini hanya disediakan di tahap rendah sahaja. Selepas tamat sekolah rendah, kanak-kanak Tamil itu tidak dapat meningkatkan dirinya dari segi profesion yang baik kecuali menjadi guru sekolah Tamil. Penyelia-penyelia Sekolah India juga telah seharusnya bertindak tegas terhadap sebarang kekurangan dalam pendidikan di sekolah-sekolah yang mereka telah lawati, dan bukan hanya sekadar membuat laporan sahaja.

Dengan itu kita dapat melihat bahawa perkembangan pendidikan Tamil sebelum merdeka terutamanya di Selangor, hanyalah dari segi pertambahan bilangan sekolah Tamil dan bukannya berkembang dari segi mutu pendidikan itu sendiri. Oleh yang demikian para pelajar yang memilih untuk menghadiri sekolah-sekolah Tamil tidak maju dalam hidup mereka malah telah terus kekal sebagai kaum buruh, sama seperti ibu bapa mereka.